Pelancaran Kelab Chapter YOSH UPM 2018

SERDANG - Kelab Chapter YOSH Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan majlis pelancaran kelab tersebut 26 Februari lalu bagi menggalakkan lebih ramai alumni UPM bersama UPM untuk membangunkan potensi pelajar secara holistik.

Majlis Pelancaran ini diadakan di Dewan Jauhari Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah, UPM ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Alumni Universiti Putra Malaysia , Prof Dr Hazandy Abdul Hamid.

Dalam ucapan perasmiannya, Hazandy berkata, beliau kagum dengan semangat dan penglibatan alumni yang ingin berbakti semula kepada UPM walaupun sudah berkerjaya mahupun menyambung pengajian dalam Master dan PhD.

Tambahan pula, beliau juga percaya bahawa Chapter YOSH ini merupakan salah satu platform yang sangat baik dalam memberi pendedahan dan asas kepimpinan, kesukarelawanan dan keusahawanan dalam kalangan generasi belia masa kini.

"Selain itu, tujuan utama penubuhan Kelab Chapter YOSH UPM adalah menjadi salah satu platform bagi menggalakkan para alumni UPM untuk kembali berjasa kepada UPM .

Barisan Peneraju Kelab Chapter YOSH UPM bersama dengan Kelab Pusat Alumni berserta juga dengan tetamu kehormat yang lain.

"Kita dapat lihat hanya sedikit bilangan alumni yang menyumbangkan tenaga untuk bersama-sama UPM membangun para pelajar dalam sahsiah secara holistik seterusnya menjayakan visi dan misi UPM secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata, ini adalah peluang bagi para alumni untuk membimbing pelajar dalam menyerlahkan potensi diri kepada dunia.

"Uniknya Kelab Chapter YOSH UPM berbanding kelab yang lain yang ada, bukan sahaja membimbing dalam akademik semata, tetapi membimbing para pelajar tiga asas yang lain iaitu kepimpinan, kesukarelawanan dan keusahawanan.

"Skil ini amat diperlukan bukan sahaja di universiti, tapi amat diperlukan dalam kehidupan asas terutamanya ketika sudah mempunyai pekerjaan sendiri kelak," katanya.

Dalam majlis ini, turut diadakan penyerahan watikah penubuhan Kelab Chapter YOSH UPM oleh Hazandy kepada Muhammad Azri Abdul Jalil.